



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG (08/2025)



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
OGOS 2025



SOLAT BERJEMAAH

22 OGOS 2025M | 28 SAFAR 1447H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَن يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَن يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيمَا عِبَادَ اللّٰهُ، ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْيُ اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.



Sidang jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**SOLAT BERJEMAAH**”.

Allah Taala berfirman dalam surah al- Baqarah ayat 43:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَتُوا الْزَكُوَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْكِعَينَ

Yang bermaksud: “*Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.*”

Solat berjemaah bermaksud solat yang dilakukan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai dengan diketuai seorang imam. Sesungguhnya solat berjemaah merupakan satu ibadah yang dituntut dalam Islam. Pensyariatan solat berjemaah ini boleh dilihat berdasarkan firman Allah Taala dalam surah an-Nisa ayat 102:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقِمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ



Yang bermaksud: "Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan solat dengan (menjadi imam) mereka."

Solat berjemaah boleh didirikan di rumah, dewan, pejabat atau di mana-mana tempat yang bersih akan tetapi solat berjemaahlah yang paling afdal dan ia sangat dituntut adalah didirikan di rumah Allah Taala iaitu masjid atau surau. Hukum solat berjemaah mengikut mazhab Syafie merupakan fardu kifayah bagi sesebuah kampung atau kariah yang bertujuan menzahirkan syiar Islam. Kewajipan tersebut dikenakan ke atas lelaki yang merdeka, baligh, bermukim dan tiada keuzuran syarie. Hukum asal bagi kaum lelaki melaksanakan solat berjemaah adalah di masjid berbeza dengan kaum wanita di mana syarak menetapkan wanita lebih afdal bersolat di rumah namun dibenarkan untuk berjemaah di masjid.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Jika diperhatikan, kehadiran solat berjemaah lima waktu di masjid tidaklah begitu ramai jika dibandingkan dengan bilangan jemaah semasa solat jumaat, tarawih, atau solat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha. Sangat rugi bagi sesiapa yang tinggal berdekatan dengan rumah Allah Taala tetapi tiada rasa ingin mengimarkannya dengan



menghadiri solat berjemaah lima waktu. Sesungguhnya Allah Taala menjanjikan ganjaran kepada mereka yang menunaikan solat berjemaah terutama di masjid.

Ia dijelaskan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Sekiranya mereka mengetahui (ganjaran yang disediakan) pada mendatangi azan dan saf pertama, kemudian mereka tidak mendapatinya melainkan dengan cara mengundi, sudah pasti mereka akan melakukan undian. Sekiranya mereka mengetahui (pahala) bersegera mengerjakan solat, pasti mereka akan berlumba untuk mendapatkannya dan sekiranya mereka mengetahui (ganjaran) solat Isyak dan Subuh berjemaah, nescaya mereka akan mendatangi kedua-duanya, walaupun dalam keadaan merangkak.”

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Solat berjemaah ini mempunyai pelbagai kelebihan dan fadhlatnya, antaranya:



Pertama: Menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sepanjang hayatnya, Baginda tidak pernah meninggalkan solat berjemaah kecuali saat kezuruan di akhir hayat Baginda.

Kedua: Dijanjikan pahala yang berlipat ganda sebagaimana dalam hadis riwayat Imam Muslim bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Yang bermaksud: “*Solat berjemaah lebih afdal daripada solat secara bersendirian dengan dua puluh tujuh darjah.*”

Ketiga: Solat berjemaah dapat menghapuskan dosa-dosa kecil dan dapat meninggikan darjah seseorang sebagaimana hadis Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“*Apabila (seorang mukmin) mengambil wuduk dengan sempurna, kemudian dia keluar (dari rumahnya) untuk ke masjid, tidaklah dia keluar melainkan untuk solat (berjemaah di masjid) maka tidaklah dia melangkah melainkan ditinggikan untuknya satu darjah dan dihapuskan darinya satu kesalahan (dosa).*”

Keempat : Memupuk ukhwah dan hubungan persaudaraan antara sesama muslim iaitu berpeluang beramah mesra antara satu sama lain.



Ia dapat mengeratkan hubungan antara ahli kariah dan masyarakat setempat.

Kelima : Solat berjemaah mendidik diri menjadi seorang muslim yang lebih berdisiplin melalui amalan yang istiqamah, menepati waktu dan senantiasa bijak mengurus masa dalam kehidupannya.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Solat berjemaah seharusnya diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil. Maka, Ibu bapa sewajarnya memainkan peranan dalam mendidik anak-anak menjadi seorang mukmin yang sejati. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

“Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”

Berdasarkan hadis ini, ibu bapa berperanan mendidik anak dengan penghayatan ilmu fardu ain. Mereka berperanan melatih anak-anak untuk solat berjemaah dan sentiasa hadir ke masjid sejak usia kecil



lagi sekaligus dapat menanamkan sifat cinta kepada rumah Allah Taala.

Firman Allah Taala dalam surah Taha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Yang bermaksud: “*Dan perintahkanlah kepada keluargamu agar mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya.*”

Ingatlah, ketegasan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kaum lelaki hadir solat berjemaah di masjid sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: “*Sesungguhnya aku bertekad supaya solat didirikan kemudian aku akan pergi kepada setiap rumah seseorang yang tidak hadir solat berjemaah lalu akan aku perintahkan agar dibakar rumah mereka.*”

Hadis ini bukan bermaksud kebenaran membakar rumah orang yang tidak melaksanakan solat berjemaah, akan tetapi suatu penegasan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap kaum lelaki agar solat berjemaah di masjid atau surau.



Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala,

Kesimpulannya, solat berjemaah adalah merupakan tuntutan fardu kifayah yang mesti dilaksanakan oleh umat Islam. Rebutlah ganjaran besar yang telah dijanjikan oleh Allah Taala. Didiklah anak-anak dan kaum keluarga untuk solat berjemaah di masjid bagi menegakkan syiar Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمَرُ مَسَاجِدُ اللَّهِ مَنْ ظَاهَرَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ
الصَّلَاةَ وَعَاتَى الْزَكُوةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ
يَكُونُوا مِنَ الْمُهَتَّدِينَ ﴿١٨﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.